

# Sistem khidmat tertutup PBT mungkin dimansuh

CYBERJAYA 15 April – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sistem perkhidmatan tertutup yang diamalkan oleh beberapa agensi kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) akan dikaji semula dan mungkin dimansuhkan.

Perdana Menteri yang tidak begitu gembira dengan tahap pengurusan PBT sekarang berpendapat sistem tersebut menyumbang kepada amalan-amalan yang tidak baik.

Menurutnya, fungsi-fungsi PBT yang dijalankan secara tertutup telah menghadkan peluang kenaikan pangkat kakitangannya sehingga mereka bosan dan kecewa kerana merasakan tidak ada masa depan di tempat kerja.

“Ini menjatuhkan sema-

ngat kakitangan. Justeru kita akan mengkaji semua khidmat tertutup untuk melihat sama ada kita boleh memansuhkannya supaya mereka menjadi sebahagian daripada perkhidmatan awam.

“Dengan itu, para pegawai dari perkhidmatan awam boleh dipindahkan untuk mengambil alih beberapa jawatan (dalam PBT) dan begitu juga sebaliknya kakitangan mereka boleh mengisi jawatan lain,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pengurusan Bandar: Tadbir Urus Bandar Cemerlang di Cyberview Lodge Resort, di sini hari ini.

Seminar dua hari itu dianjurkan oleh Institut Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, Malaysia telah menyusun pentadbiran bandar kecil dan besar, secara teratur di bawah PBT dan Majlis-Majlis Perbandaran.

“Ibu kota dan bandar-bandar utama mempunyai

khidmat tertutup dan diketuai oleh Datuk Bandar.

“Khidmat tertutup ini tidak memberi banyak peluang kenaikan pangkat dan ini sering mengecewakan pegawai dan kakitangan. Ia juga menyumbang kepada amalan-amalan yang tidak baik,” katanya.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan pengurusan PBT sekarang, Dr. Mahathir menjawab:

“Jika saya gembira, saya tidak fikir akan mencadangkan (kajian) sedemikian. Saya tidak begitu gembira (dengan PBT) dan beberapa perkhidmatan lain juga.”

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beberapa agensi kerajaan perlu mengekalkan khidmat secara tertutup kerana perkhidmatan yang mengkhusus kepada bidang tertentu dan tidak boleh ditukarkan ke jabatan lain.